

06 MAR 1997

Mahathir-Yahaya

KERAJAAN SANJUNG TINGGI SUMBANGAN TAN SRI YAHAYA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan menyanjung tinggi segala daya usaha dan sumbangan Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad kepada negara.

Perdana Menteri berkata kerajaan telah kehilangan seorang tokoh korporat yang penuh berwibawa di bidang industri automobil khususnya dan seorang usahawan yang telah memberi sumbangan tenaga dan bakti dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab kepada negara dalam bidang-bidang yang lain.

Dalam surat takziah yang dihantar kepada Puan Yatina, anak sulung Allahyarham Yahaya, Dr Mahathir berkata: "Saya dan semua ahli-ahli Jemaah Menteri ingin menyampaikan ucapan takziah kepada Puan Yatina, adik-adik serta seisi keluarga di atas kembalinya ke Rahmatullah Ayahanda Tan Sri Yahaya dan Allahyarhamah Bonda Puan Sri Rohana".

Ucapan takziah itu disampaikan secara peribadi kepada Puan Yatina oleh Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri, Datuk Abdul Aziz Ismail hari ini.

Pengerusi Kumpulan DRB-HICOM itu bersama isterinya terkorban dalam nahas helikopter tiga hari lepas ketika dalam perjalanan untuk menziarahi ibunya yang sakit tenat di Kuala Terengganu. Juruterbang Mejar (B) Azlizan Abdul Manas turut terkorban.

Perdana Menteri berkata kerajaan menyanjung tinggi usaha dan sumbangan Allahyarham untuk meningkatkan prestasi HICOM dan segala aktivitinya.

"Saya berharap Puan Yatina dan adik-adik menggabungkan kekuatan dan lebih bersabar di dalam menghadapi detik-detik kesedihan ini. Semoga Allah Subhanahuwataala mencucuri rahmat-Nya ke atas roh kedua-dua Ayahanda dan Bonda yang tercinta".

Selain Puan Yatina, 24, Allahyarham Tan Sri Yahaya meninggalkan dua anak lelaki Ahmad Othman, 22, dan Ahmad Faez, 21, dan seorang lagi anak perempuan berusia 13 tahun, Nadia.

Mereka kehilangan seorang lagi orang yang dicintai apabila nenek mereka iaitu ibu Allahyarham Yahaya, Hajah Mandak Omar, 77, meninggal dunia hari ini selepas enam hari dirawat di Hospital Kuala Terengganu kerana menghidap penyakit angin ahmar.

Sementara itu, Presiden Filipina Fidel Ramos turut menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham, sambil menyifatkannya sebagai "sahabat sejati Filipina."

Laporan dari Manila menyebut Presiden Ramos menyampaikan perutusan takziah itu kepada anak-anak Allahyarham.

Malaysia dan Filipina menjalankan usahasama mengeluarkan kereta Proton di wilayah Pangasinan, di utara Manila.

Di KOTA BAHARU, Kerajaan Negeri Kelantan pimpinan Pas hari ini menyampaikan takziah kepada keluarga Allahyarham Yahaya.

Timbalan Menteri Besar Kelantan Abdul Halim Abdul Rahman yang baru balik selepas mengetuai delegasi pelaburan kerajaan negeri ke Turki sejak minggu lepas berkata kematian Yahaya merupakan kehilangan besar terutama bagi Bumiputera.

"Tidak ramai orang Melayu yang dapat mencapai kejayaan seperti Allahyarham Tan Sri Yahaya dan kehilangannya amat sukar untuk diganti," katanya. -- BERNAMA

MOK RAR NMO